

Tindakan tegas jika peniaga naikkan harga topeng penutup mulut dan hidung - KPDNHEP

Asyraf Roslan, Astro Awani | Diterbitkan pada Januari 27, 2020 18:46 MYT



Tindakan tegas akan diambil kepada para peniaga maupun syarikat yang melanggar akta tersebut.
- Gambar hiasan/Bernama

KUALA LUMPUR: Penularan wabak novel koronavirus sudah tentu membuatkan masyarakat sedar dan mahu mengetahui tentang langkah berjaga-jaga.

Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga menasihatkan agar mereka yang berada atau menjalankan sebarang aktiviti di kawasan terbuka untuk memakai topeng muka (penutup mulut dan hidung).

Namun, pada masa sama pihak KPDNHEP memberi peringatan kepada para peniaga supaya tidak menaikan harga topeng muka kerana topeng muka merupakan barang dalam kategori harga terkawal dibawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011

Ini senarai harga topeng muka yang perlu peniaga patuhi dan masyarakat tahu.

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Petaling Jaya,
46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

No. Telefon : 03-8862 6652

No. Fax : 03-8862 5669

TINDAKAN TEGAS TERHADAP KENAIKAN HARGA YANG TIDAK MUNASABAH BAGI TOPENG MUKA

1. Kementerian memandang serius masalah penularan Novel Coronavirus. Rakyat dinasihati untuk mengutamakan kesihatan dengan memakai topeng muka semasa menjalankan aktiviti di kawasan terbuka. Sebagai peringatan kepada para peniaga, topeng muka adalah barang harga terkawal dan harga maksimum telah ditetapkan untuk 5 jenis topeng muka di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti pencatutan 2011.

2. Lima jenis topeng muka tersebut dan harga kawalannya adalah seperti berikut:

(i) Topeng muka (pembedahan/perubatan)

1 lapisan (gelung telinga) - Harga Borong RM5.00 sekotak, Harga Runcit RM7.00 sekotak

(ii) Topeng muka (pembedahan/perubatan)

2 lapisan (gelung telinga) - Harga Borong RM8.00 sekotak, Harga Runcit RM10.00 sekotak dan RM0.20 sen seunit

(iii) Topeng muka (pembedahan/perubatan)

3 lapisan (gelung telinga/gelung kepala) - Harga Borong RM25.00 sekotak, Harga Runcit RM0.80 sen seunit

(iv) Topeng muka (pembedahan/ perubatan)

3 lapisan (likatan pada kepala) - Harga Borong RM30.00 sekotak, Harga Runcit RM0.80 sen seunit

(v) Topeng muka (pembedahan / perubatan)

N95 - Harga Borong RM100.00 sekotak, Harga Runcit RM6.00 seunit



Sebarang pelanggaran di bawah peruntukan Akta ini bagi kesemua jenis topeng muka yang dinyatakan tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang :

- Individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan
- Syarikat; boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000

Ini senarai harga topeng yang perlu anda tahu

Tindakan tegas akan diambil kepada para peniaga mahupun syarikat yang melanggar akta tersebut.

Individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

Manakala syarikat yang melanggar akta itu pula boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

Pihak kementerian juga akan meneruskan pemantau berterusan dengan mengarahkan pegawai-pegawai pengukuasa untuk membuat pemeriksaan di seluruh negara yang sudah bermula pada 25 Januari.